

Mangsa banjir Kota Marudu meningkat

Kota Marudu: Banjir di daerah ini semakin buruk apabila jumlah mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara meningkat kepada 1,851 orang setakat petang semalam.

Mangsa membabitkan 549 keluarga daripada 13 kampung dan meningkat secara mendadak berbanding hanya 80 mangsa dipindahkan sehari sebelumnya.

Ia susulan hujan lebat sejak dua hari lalu di sekitar daerah ini yang menyebabkan paras beberapa sungai di kawasan terjejas naik dengan pantas.

Diarah berpindah

Kampung terjejas ialah Kampung Morion, Ongkilan, Tandek Lama, Kuranji, Popok Laut, Popok Darat, Damai, Sumbilingon, Goruntong, Salimandut, Mosolog, Tancur dan Kadawayan.

Pegawai Daerah Kota Marudu, Lovita Koison, berkata sehingga lewat petang semalam, semua mangsa ditempatkan di 10 pusat pemindahan sementara selepas diarah meninggalkan kediaman berikutan paras air mencecah lebih satu meter.

Pusat pemindahan sementara ialah Dewan Morion, Dewan Sekolah Menengan Kebangsaan (SMK) Tandek, Dewan St Theresa, Dewan Marudu Darat, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Salimandut, Koperasi Pembangunan Dewa (KPD) Goruntong, Dewan Mosolog, SK Ranau, SK Langkon, dan FTC Damai.

Lovita berkata, paras Sungai Bandau dan Sungai Bongon berada di paras normal sedalam 1.53 meter tetapi mangsa belum dibenarkan pulang berikutan masih berdepan ancaman banjir.